

# Banjir di Terengganu, Kelantan beransur pulih

**KUALA LUMPUR** - Keadaan banjir di Terengganu dan Kelantan beransur pulih dengan keseluruhan mangsa di kedua-dua negeri itu menurun kepada 913 orang setakat 5 petang semalam berbanding 3,171 pada sebelah pagi.

Menurut portal banjir negeri, dua daerah yang masih menghadapi banjir ialah Dungun dengan jumlah mangsa seramai 543 orang dan Kuala Terengganu 119 orang.

Menurut portal itu, satu daripada tujuh daerah yang mengalami banjir telah pulih dengan daerah terbaru Kemaman apabila mangsa banjir di daerah itu dibenarkan pulang tengah hari semalam.

Sementara itu, enam pusat penempatan masih beroperasi iaitu lima di Dungun dan bakinya di Kuala

Terengganu.

Jumlah korban banjir masih lagi enam orang di Terengganu sehingga petang semalam.

Di KELANTAN, mangsa banjir yang dipindahkan di Tumpat kini menurun kepada 251 orang berbanding 1,983 orang.

Menurut portal rasmi Kerajaan Negeri, jumlah itu jauh menyusut berbanding lebih 500 orang pada sebelah pagi. Mangsa banjir ditempatkan di Sekolah Kebangsaan Pengkalan Kubor 1 dan 2 yang terdiri daripada 74 buah keluarga.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi melawat mangsa banjir semalam dan menyerahkan sumbangan berbentuk barangan keperluan kepada mereka.